



**LAPORAN KENAMPAKAN HILAL SYAWWAL 1425 HIJRI
PADA 29 RAMADHAN 1425/12 NOVEMBER 2004**

1- Pada 12 November 2004 bersamaan 29 Ramadhan 1425 telah diadakan Majlis Cerapan Rasmi Hilal Syawwal bagi menetapkan 1 Syawwal di 3 lokasi cerapan di Negeri Selangor iaitu :-

- i- Bukit Malawati, Kuala Selangor
- ii- Pulau Angsa, Kuala Selangor
- iii- Bukit Jugra, Kuala Langat

2- Berdasarkan kepada data rukyah dan maklumat cerapan daripada ketiga-tiga lokasi cerapan hilal di Negeri Selangor pada hari rukyah iaitu 29 Ramadhan 1425 Hijri bersamaan 12 November 2004 Miladi, hilal belum wujud lagi kerana ijtimā' masih belum berlaku dan tidak menepati justifikasi Imkannur Rukyah yang telah ditetapkan iaitu:-

(a) Ketika matahari terbenam:-


- i- Ketinggian (altitud) bulan tidak kurang daripada 2°

DAN

- ii- Jarak lengkung matahari ke bulan tidak kurang daripada 3°

ATAU

- (b) Ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang daripada 8 jam



Gambar menunjukkan justifikasi Imkannur Rukyah (kebolehnampakkan) hilal yang digunakan bagi menentukan awal bulan hijri.

- 3- Dalam menjalankan aktiviti cerapan hilal, terdapat empat (4) keadaan berbeza yang boleh berlaku pada hari rukyah iaitu:-
- (a) Hilal belum wujud lagi kerana ijtima' masih belum berlaku.
 - (b) Hilal masih belum wujud lagi, walaupun ijtimak telah berlaku.
(tempoh masa yang singkat antara ijtimak dan terbenam matahari)
 - (c) Hilal telah berada di atas ufuk, tetapi sifat fizikalnya masih belum matang dan tidak mencapai syarat kenampakan hilal menurut Imkannur Rukyah.
 - (d) Hilal telah berada di atas ufuk dan menepati justifikasi Imkannur Rukyah.
- 4- Ketika hari rukyah pada 12 November 2004, dengan merujuk kepada situasi di atas, perkara 3 (a) adalah berkaitan iaitu hilal belum wujud lagi kerana ijtimak masih belum berlaku.

- 5- Antara faktor-faktor yang menyebabkan anak bulan tidak kelihatan ialah:-
- i- Pada hari rukyah (29 Ramadhan 1425) hilal telah terbenam dahulu daripada matahari (hilal terbenam jam 18.44, matahari terbenam 18.57).
 - ii- ijtimak hanya berlaku pada 12 November 2004 jam 10.27 malam.
- 6- Oleh yang demikian itu, pada hari rukyah tersebut, hilal tidak berada di atas ufuk kerana ijtimak masih belum berlaku.
- 7- Kesimpulannya, berdasarkan maklumat di atas, pada hari berikutnya iaitu 13/11/2004 (Sabtu) digenapkan menjadi 30 Ramadhan 1425 H, manakala 01 Syawal 1425 H ditetapkan pada 14/11/2004 (Ahad).

Laporan di sediakan oleh,

Rizal B. Ramli
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
Bahagian Falak Syarie
Jabatan Mufti Selangor